A **NISAR AHMAD KHAN SARDAR KHAN**

lwn.

PP

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHTARUDIN BAKI H
[RAYUAN JENAYAH NO. 42-52-2005 & 42-53-2005]
24 APRIL 2006

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman - Serentak atau berasingan - Prinsip undang-undang matan - Elemen-elemen yang patut dipertimbangkan - Sama ada hukuman patut dipinda dari berjalan secara berasingan kepada serentak*

D Tertuduh/perayu telah dituduh melakukan dua kesalahan iaitu melakukan kecurian dalam bangunan dan melarikan seorang pegawai diplomat dengan niat hendak menyebabkan orang itu dikurung dengan sulit dan dengan salah. Perayu telah mengaku bersalah dan telah dihukum oleh Mahkamah Sesyen dengan E hukuman empat tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh tangkap untuk kes pertama, dan tiga tahun penjara untuk kes kedua, dan ianya berjalan secara berasingan. Rayuan perayu adalah atas satu isu undang-undang sahaja iaitu memohon supaya kedua-dua hukuman berjalan secara serentak.

F **Diputuskan (membenarkan rayuan perayu):**

(1) Dari fakta kes, adalah jelas keempat-empat elemen yang dinyatakan di dalam kes *Bachik Abdul Rahman v. PP* iaitu "proximity of time", "proximity of place", "continuity of G action" dan "continuity of purpose or design", dipenuhi. Perayu bersama tiga lagi, kemudiannya mencuri barang-barang kepunyaan mangsa dan adalah jelas tujuan mereka untuk mendapatkan wang/harta secara salah. Dari kes-kes terdahulu mengenai hukuman serentak atau berasingan, adalah menjadi H prinsip undang-undang matan (established), pertuduhan-pertuduhan mestilah 'distinct offences' untuk hukuman berasingan. Dengan kedudukan kes terbaru *Bachik (supra)*, prinsip undang-undang mengenai hukuman penjara serentak atau berasingan telah diperjelaskan lagi. Dengan alasan di atas, I rayuan dibenarkan dan hukuman dipinda dari berjalan secara berasingan kepada serentak. (perenggan 8, 9, 10, 11, 12 & 13)

Kes-kes yang dirujuk:
Bachik Abdul Rahman v. PP [2004] 2 CLJ 572 CA ***(diikuti)***
Marimuthu Balikrishnan v. PP [1974] 2 MLJ 145 ***(dirujuk)***
PP v. Teo Heng Chye [1990] 1 CLJ 194; [1990] 3 CLJ (Rep) 904 HC ***(dirujuk)***
PP v. Yap Huat Heng [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645 HC ***(dirujuk)***
SA Jamil Md Yusof v. PP [2002] 6 MLJ 106 ***(dirujuk)***
Sau Soo Kim v. PP [1975] 2 MLJ 134 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, ss. 34, 365, 380

Bagi pihak perayu - Satvinder Singh; T/n Surinder & Assoc
Bagi pihak responden - Raja Rozela Raja Toran & Hanim Mohd Rashid TPR

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Mohtarudin Baki H:

[1] Pertuduhan Kes No. 62-301-2004

Bahawa kamu semua bersama dan bagi mencapai niat bersama kamu semua pada 24 Mei 2004 jam lebih kurang 1.20 tengah hari, di bilik No: 2501 Hotel Nikko, Jalan Ampang, di dalam daerah Dang Wangi, di dalam Wilayah Persekutuan, Bandaraya Kuala Lumpur, telah melakukan curi dalam bangunan, iaitu satu buku cek Standard Chartered Bank, satu Pasport Antarabangsa Afrika Selatan No. 800031695 atas nama Cornelius Van Niekerk Scholtz, wang tunai lebih kurang USD 200.00, wang tunai lebih kurang 10,000 dolar Taiwan, dan satu telefon bimbit jenama Samsung, kesemuanya milik Cornelius Van Niekerk Scholtz, oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 380 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan.

[2] Pertuduhan Kes No: 62-303-2004

Bahawa kamu semua bersama-sama tiga orang yang masih bebas, dan bagi mencapai niat bersama kamu semua, pada 23 Mei 2004, jam lebih kurang 9 malam, di jalan raya berhampiran Hotel Nikko, Jalan Ampang di dalam daerah Dang Wangi, di

dalam Wilayah Persekutuan, Bandaraya Kuala Lumpur, telah melarikan seorang pegawai diplomat Afrika Selatan bernama Cornelius Van Niekerk Scholtz, pasport No: 800031695 dengan niat hendak menyebabkan orang itu dikurung dengan sulit dan dengan salah, oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 365 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama-sama s. 34 Kanun Keseksaan.

[3] Pada 16 Jun 2004, Timbalan Pendakwa Raya memohon kedua-dua kes dibicarakan bersama dan dibenarkan.

[4] Pada 5 Julai 2005, tertuduh telah mengaku bersalah dan telah dihukum oleh Hakim Mahkamah Sesyen dengan hukuman empat (4) tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh tangkap untuk kes pertama; tiga (3) tahun penjara untuk kes kedua dan ianya berjalan secara berasingan. Rayuan adalah untuk hukuman penjara berjalan serentak.

[5] Fakta Kes No. 62-301-2004

Pengadu dalam kes ini adalah seorang warganegara Afrika Selatan, bernama Philip John Riley yang membuat laporan polis, iaitu Dang Wangi Report nombor 14092/04 pada 26 Mei 2004 yang melaporkan tentang kehilangan seorang rakan sekerjanya bernama Cornelius van Niekerk Scholtz (mangsa).

Menurut Philip John Riley, mangsa menginap di Hotel Nikko, Kuala Lumpur dan dilihat kali terakhir melalui rakaman kamera litar meninggalkan bilik penginapannya di nombor 2501 pada 23 Mei 2004 lebih kurang jam 7.57 malam.

Pada 24 Mei 2004 pada jam lebih kurang 1.20 tengah hari, berdasarkan maklumat yang diberi oleh mangsa secara paksaan berkenaan bilik penginapannya serta nombor PIN peti simpanan keselamatan dalam bilik tersebut, OKT bersama-sama seorang yang lagi telah pergi ke tingkat 25 Hotel Nikko untuk melakukan kecurian di bilik hotel nombor 2501.

OKT bertindak sebagai pemerhati di anjung tingkat 25 di luar bilik 2501, sementara rakan sejenayahnya yang memasuki bilik tersebut untuk melakukan kecurian. Tugas OKT adalah untuk memberi amaran kepada rakan sejenayahnya sekiranya ada sesiapa yang hendak masuk ke bilik tersebut. OKT tahu bahawa rakan sejenayahnya telah masuk ke dalam bilik 2501 tersebut.

Barang-barang milik mangsa yang dicuri adalah satu buku cek Standard Chartered Bank, satu passport antarabangsa Afrika Selatan no. 800031695 atas nama Cornelius Van Niekerk Scholtz, wang tunai lebih kurang 10,000 dolar Taiwan dan satu telefon bimbit jenama Samsung milik mangsa.

OKT ditangkap pada 2 Jun 2004 jam lebih kurang 11.30 malam di rumahnya berdasarkan maklumat orang ramai.

[6] Fakta Kes No. 62-303-2004

Pengadu dalam kes ini adalah seorang warganegara Afrika Selatan, bernama Philip John Riley yang membuat laporan polis, iaitu Dang Wangi Report nombor 14092/04 pada 26 Mei 2004 yang melaporkan tentang kehilangan seorang rakan sekerjanya bernama Cornelius Van Niekerk Scholtz (mangsa).

Menurut Philip John Riley, mangsa menginap di Hotel Nikko, Kuala Lumpur dan dilihat kali terakhir melalui rakaman kamera litar meninggalkan bilik penginapannya di nombor 2501 pada 23 Mei 2004 lebih kurang jam 7.57 malam.

Pada 23 Mei 2004 pada jam lebih kurang 9 malam di jalan raya berhampiran Hotel Nikko, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, mangsa telah dilarikan oleh sekumpulan lelaki.

Mangsa seterusnya telah dibawa oleh kumpulan lelaki tersebut menaiki sebuah kereta dengan dipandu arah oleh OKT yang membawa sebuah kereta yang lain, iaitu Toyota Corolla bernombor pendaftaran JAN 1332, ke rumah OKT di alamat nombor 5-5-3 ST 5, Jalan 7/1E Bandar Baru Bangi. Di rumah ini mangsa telah dikurung dengan sulit dan dengan salah mulai 23 Mei 2004 sehingga 30 Mei 2004. Sepanjang tempoh pengurungannya, mangsa telah dipaksa oleh OKT dan rakan-rakan sejenayahnya untuk memberikan maklumat tentang nombor PIN kad ATM bank dan kad kredit beliau serta kunci dan nombor PIN peti simpanan keselamatan dalam bilik penginapannya di Hotel Nikko.

OKT ditangkap pada 2 Jun 2004 jam lebih kurang 11.30 malam di rumahnya berdasarkan maklumat orang ramai.

Tertuduh telah mengakui fakta setelah fakta tersebut dibaca dan diterangkan kepadanya. Setelah meneliti fakta dalam kes ini saya telah menerima pengakuan bersalah dan dapatinya bersalah atas kedua-dua tuduhan terhadapnya.

[7] Rayuan tertuduh/perayu adalah atas satu isu undang-undang sahaja iaitu memohon supaya kedua-dua hukuman berjalan secara serentak. Persoalan undang-undang mengenai prinsip hukuman penjara berjalan serentak atau tidak telah dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Bachik Abdul Rahman v. PP* [2004] 2 CLJ 572.

[8] YA Augustine Paul, JCA (ketika itu) di dalam keputusan mahkamah menyatakan di ms 579:

> .... In deciding whether the terms of imprisonment should be consecutive or commence at another date the court will be guided by the one transaction rule and the totality principle. Pursuant to the one transaction rule where two or more offences are committed in the course of a single transaction all sentences in respect of these offences should be concurrent rather than consecutive ...
>
> ... For there to be one transaction four elements must be present, (1) that is to say proximity of time, (2) proximity of place, (3) continuity of action and (4) continuity of purpose or design. The rule however, is not absolute.

[9] Dari fakta kes, adalah jelas keempat-empat elemen tersebut dipenuhi. Tertuduh/perayu bersama tiga lagi, kemudiannya mencuri barang-barang kepunyaan mangsa. Adalah jelas tujuan mereka untuk mendapatkan wang/harta secara salah.

[10] Saya telah meneliti kes-kes terdahulu mengenai hukuman serentak atau berasingan. Dari kes-kes terdahulu:

1. *Marimuthu Balikrishnan v. PP* [1974] 2 MLJ 145.
2. *Sau Soo Kim v. PP* [1975] 2 MLJ 134.
3. *PP v. Yap Huat Heng* [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645.
4. *PP v. Teo Heng Chye* [1990] 1 CLJ 194; [1990] 3 CLJ (Rep) 904.
5. *SA Jamil bin Md Yusof v. PP* [2002] 6 MLJ 106.

[11] Dari kes-kes di atas, adalah menjadi prinsip undang-undang matan (established), pertuduhan-pertuduhan mestilah 'distinct offences' untuk hukuman berasingan.

[12] Dengan kedudukan kes terbaru *Bachik Abdul Rahman v. PP (supra)*, prinsip undang-undang mengenai hukuman penjara serentak atau berasingan telah diperjelaskan lagi.

[13] Dengan alasan di atas, saya dengan rendah diri memutuskan bahawa rayuan dibenarkan. Hukuman dipinda dari berjalan secara berasingan kepada serentak.